

1223/1
Pendidikan
Islam
Kertas 1
Sept
2007
2 Jam

LOGO DAN
NAMA
SEKOLAH

PEPERIKSAAN PERCUBAAN

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2007

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian. Bahagian A dan Bahagian B.*
2. **Bahagian A** mengandungi 40 soalan objektif yang diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C dan D** serta soalan mengisi tempat kosong. Jawab semua soalan pada kertas jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.
3. **Bahagian B** mengandungi empat soalan subjektif. **Soalan 1 dan Soalan 2** wajib dijawab dan pilih mana-mana **satu** soalan berikutnya. Kesemua **tiga** soalan wajib dijawab. Semua jawapan hendaklah ditulis pada kertas jawapan yang disediakan.
4. Tulis nombor **kad pengenalan** dan **angka giliran** anda pada kertas jawapan di halaman 14
5. Ceraikan kertas jawapan **Bahagian A** dan ikat bersama-sama dengan kertas jawapan **Bahagian B**.

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak
Bahagian A

(40 markah)

[Lihat sebelah
SULIT

Jawab **semua** soalan

Soalan 1 hingga soalan 2

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. **Hitamkan** jawapan yang tepat pada kertas jawapan yang disediakan.

1

Memulakan niat ihram bermula dari bulan Syawal hingga sebelum terbit fajar kedua pada hari kesepuluh bulan Zulhijjah.

Pernyataan di atas menerangkan tentang

- A Miqat Makani
- B Miqat Zamani
- C Berniat ihram di Zuhulaifah
- D Berniat ihram di Qarnul Manazil

2 Mengikut syariat Islam, syarat binatang yang disembelih mestilah

- A binatang yang cukup umur
- B mati dengan sekali sembelihan
- C menggunakan benda yang tajam
- D niat sembelihan semasa menyembelih

3 Pilih kenyataan yang tidak benar mengenai syarat sah sewa

- A Kontrak sewa tamat dengan sebab tamat tempoh
- B Barang yang disewa itu hendaklah memberi faedah
- C Manfaat yang tercatat dalam kontrak boleh digunakan
- D Kedua-dua pihak hendaklah bersetuju mengadakan kontrak sewa

4 Pilih kenyataan yang benar mengenai kemanisan iman

- I sentiasa membanyakkan amal ibadat
 - II sentiasa mengingati mati dan hari pembalasan
 - III benci kepada kekufuran sebagaimana benci jika dicampakkan ke dalam neraka
 - IV cinta kepada Allah dan rasulnya lebih daripada segalanya
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III

D III dan IV

5 Siapakah di antara berikut yang mempelopori golongan Ahli Sunnah Waljamaah?

- A Imam Abu Hassan al-Basri
- B Imam Abu Hassan al-Azhari
- C Imam Abu Hassan al-Ash'ari
- D Imam Abu Hassan al-Maturidi

6

Imam Ahmad bin Hambal r.h. seorang yang miskin. Bapanya hanya meninggalkan sebuah rumah dan tanah yang kecil

Beliau menyara hidupnya dengan bekerja mengambil upah

- A menjual kain dan membawa barang-barang di jalanan
- B menjahit pakaian dan menjual barang antik
- C mengembala kambing dan pemerah susu
- D menjual barang-barang dagangan

7

- Dilahirkan di Kufah pada tahun 80 Hijrah
- Berketurunan Parsi
- Dibesarkan dengan kehidupan yang senang dan mewah
- Meninggal dunia pada tahun 150 Hijrah

Siapakah tokoh di atas?

- A Imam Malik
- B Imam Syafie
- C Imam Ahmad
- D Imam Abu Hanifah

8 Berikut merupakan jenis-jenis zikir **kecuali**

- A takbir
- B tasbih
- C tahmid
- D hauqalah

9

[Lihat sebelah
SULIT

Encik Ahmad sampai awal di kota Mekah dalam bulan haji lalu mengerjakan umrah kemudian baru beliau mengerjakan haji.

Pernyataan di atas merujuk kepada cara mengerjakan haji

- A Ifrad
- B Qiran
- C Mabru
- D Tamattuk

10

- dilakukan secara serentak
- memberi kesenangan dan kemudahan kepada jemaah haji
- mengambil masa yang singkat untuk mengerjakan haji dan umrah
- dikenakan dam

Pernyataan di atas merujuk kepada kesan mengerjakan haji

- A Tamattuk
- B Mabru
- C Qiran
- D Ifrad

11 Berikut pernyataan yang **benar** mengenai taubat.

- A Taubat boleh dilengah-lengahkan
- B Allah akan menerima taubat hambaNya
- C Segera bertaubat apabila melakukan dosa
- D Seseorang itu diharuskan bertaubat apabila telah tua


12 Berikut adalah kelebihan memberi hadiah dan sedekah **kecuali**

- A. disukai oleh manusia.
- B. rezeki akan bertambah.
- C. mendapat ganjaran daripada Allah S.W.T.
- D. dimasukkan ke syurga tanpa hisab.

13 Berikut merupakan syarat mendapat hak hadanah **kecuali**

- A. Islam
- B. Dewasa
- C. Sempurna akal
- D. Boleh membaca dan menulis

14



Y di atas ialah

- A mengharuskan perkahwinan Mutaah
- B beriktikad bahawa alam bersifat qadim
- C pelaku dosa besar dianggap mukmin yang fasik
- D mencela dan mengkafirkan orang yang tidak sealiran dengan mereka

15 Berikut adalah syarat sah suami yang melakukan zihar **kecuali**

- A Baligh
- B Berakal
- C Kemahuan sendiri
- D Tidak berada dalam ihram

16

- Untuk mengelakkan tuduhan qazaf
- Untuk menafikan tuduhan suami

Kenyataan di atas merujuk kepada

- A sebab berlaku nusyuz
- B sebab berlaku lian
- C sebab berlaku zihar
- D sebab berlaku ila

17

- Memelihara kehormatan diri
- Memberi layanan yang baik
- Menjaga harta benda pasangan

1223/1 © 20

Lihat sebelah
SULIT

Perkara di atas adalah tanggungjawab

- A bersama
- B suami
- C isteri
- D anak

18 Kerajaan Abasiyyah berjaya ditawan oleh tentera Monggol pada tahun 1258 M di bawah pimpinan

- A Genghiz Khan
- B Hulagu Khan
- C Kublai Khan
- D Jabir Khan

19

- Petah berpidato
- Membawa pembaharuan yang besar khususnya di Nusantara.
- Membangkitkan semangat menentang Belanda.

Siapakah tokoh di atas ?

- A Jamaluddin al-Afghani
- B Sheikh Tahir Jalaluddin
- C Sheikh Muhammad Abduh
- D Haji Abdul Malik bin Sheikh Abdul Karim.


20 Berikut adalah hasil negara pada zaman kerajaan Bani Umaiyyah **kecuali**

- A Ghanimah
- B Sadaqah
- C Kharaj
- D Jizyah

Soalan 21 hingga Soalan 40.

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.


21. _____ ialah berasa gembira dalam melakukan ibadat, sanggup menanggung kepayahan demi mendapatkan keredaan Allah s.w.t.
22. Khawarij ialah kumpulan yang berpaling tadah daripada menyokong _____.



23. **T** dalam rajah di atas ialah _____

4/5 (80 %) daripada harta tersebut diberikan kepada para pejuang Islam. Bakinya dibahagikan menurut cara yang ditetapkan oleh al-Quran


24. Pernyataan di atas merujuk kepada maksud _____



25. **Y** dalam gambarajah di atas ialah _____
26. _____ ialah berpura-pura melahirkan keimanan sedangkan hatinya kufur kepada Allah s.w.t.
27. Taubat yang dilakukan dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh dinamakan _____

- Hubungan suami isteri terfasakh
- Haram menerima harta pusaka daripada waris
- Menjadi penghuni neraka selama-lamanya

28. Pernyataan di atas merujuk kepada kesan perbuatan _____
29. Hukum hakam yang disyariatkan bagi meringankan mukalaf dalam keadaan tertentu dinamakan _____




30. **Z** dalam gambarajah di atas ialah _____

31. Masa bercukur bagi orang yang mengerjakan haji ialah selepas selesai melontar Jamrah _____
32. Miqat Makani bagi Jemaah haji yang datang dari Iraq ialah _____
33. Ali telah memakai bau-bauan ketika dalam ihram haji. Perbuatan itu menyebabkan beliau dikenakan Dam _____

Perbuatan manusia adalah dilakukan oleh manusia bukan Allah s.w.t.

34. Pernyataan di atas merujuk kepada pegangan Mazhab _____



35. X dalam rajah di atas ialah _____
36. Imam Syafie digelar _____ kerana beliau merupakan orang pertama yang menulis buku dalam bidang Fiqh iaitu ar- Risalah.

- Meningkatkan daya fikir umat Islam
- Membetulkan amalan dalam masyarakat menurut al-Quran
- Kesedaran membebaskan tanah air daripada cengkaman penjajah

37. Pernyataan di atas merujuk kesan Gerakan _____

38. Rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dinamakan _____
39. Isteri yang mengelak daripada melayan suaminya dengan berpuasa sunat adalah dikira _____
40. Hukum berpoligami adalah _____

Bahagian B
[60 markah]

Jawab **tiga** soalan sahaja daripada bahagian ini.

Soalan 1 dan Soalan 2 wajib dijawab dan pilih **satu** sahaja daripada **Soalan 3 atau Soalan 4**.

1. (a) Taslim merupakan antara ajaran sesat yang bertapak di Malaysia.
 - (i) Namakan pengasas ajaran Taslim ? [2 markah]
 - (ii) Nyatakan dua ciri-ciri kesesatan ajaran Taslim ? [4 markah]
 - (iii) Terangkan dua cara untuk membasmi ajaran ini ? [4 markah]
- (b) Perbuatan zina merupakan perlakuan keji yang boleh merosakan keturunan.
 - (i) Terangkan pengertian zina dari segi istilah syarak ? [2 markah]
 - (ii) Apakah bentuk hukuman yang ditetapkan oleh syarak bagi mereka yang melakukan perbuatan zina ? [4 markah]
 - (iii) Terangkan akibat buruk yang timbul daripada gejala liwat ? [2 markah]
- (c) Manusia wajib bertaubat apabila melakukan dosa.
 - (i) Berikan pengertian taubat ? [2 markah]
 - (ii) Bertaubat kepada Allah swt hendaklah dilakukan mengikut syarat-syaratnya yang tertentu.
Berikan dua syarat taubat yang diterima oleh Allah swt ? [2 markah]
2. (a) Sembelihan ialah menghilangkan nyawa binatang yang halal dimakan dengan cara tertentu dan niat kerana Allah s.w.t.
 - (i) Nyatakan **dua** syarat penyembelih. [2 markah]
 - (ii) Terangkan dua hikmat disyariatkan sembelihan ke atas umat Islam [4 markah]

[Lihat sebelah
SULIT

- (b) Mahar ialah satu pemberian wajib daripada suami kepada isteri sama ada dalam bentuk wang atau sesuatu yang bernilai.
- (i) Nyatakan jenis-jenis mahar. [2 markah]
- (ii) Mengapakah Islam mewajibkan pemberian mahar oleh suami kepada isteri. [4 markah]
- (c) Islam telah menetapkan tanggungjawab yang wajib dilaksanakan oleh ibu bapa terhadap anak-anaknya.
- (i) Terangkan dua tanggungjawab ibu bapa selepas kelahiran anak. [4 markah]
- (ii) Terangkan hikmah mengapa Islam melarang menasabkan anak angkat kepada bapa angkatnya. [4 markah]
3. (a) Kebangkitan tamadun Islam pada Zaman Abbasiyah disuburkan dengan pencapaian yang cemerlang dalam bidang pendidikan.
- (i) Apakah tindakan yang dilakukan oleh Khalifah Kerajaan Abbasiyah untuk memajukan bidang sains dan teknologi? [4 markah]
- (ii) Terangkan **dua** peranan Baitul Hikmah dalam membantu perkembangan ilmu pada Zaman Kerajaan Abbasiyah. [4 markah]
- (b) Imam Syafie merupakan seorang tokoh ulamak dan pengarang yang terkenal.
- (i) Berikan **dua** alasan yang menunjukkan beliau seorang yang gigih menuntut ilmu. [4 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** hasil karya Imam Syafie yang masyhur. [2 markah]
- (c) Zikir ialah mengingati Allah s.w.t. dengan hati, lisan dan perbuatan.

[Lihat sebelah
SULIT

- (i) Huraikan **dua** adab berzikir. [4 markah]
- (ii) Mengapakah orang yang tidak berzikir dianggap berada di dalam kerugian? [2 markah]
4. (a) Kerajaan Bani Umayyah yang dipimpin oleh Muawiyah bin Abi Sufian sangat mengambil berat tentang pertahanan negara.
- (i) Nyatakan **dua** tokoh tentera yang terkenal dan telah memberikan khidmat cemerlang pada Zaman Umayyah. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** pembaharuan yang dilakukan oleh Khalifah Kerajaan Umayyah dalam bidang ketenteraan. [4 markah]
- (b) HAMKA adalah tokoh ulamak yang membawa pembaharuan yang besar kepada umat Islam khususnya di Nusantara.
- (i) Nyatakan dua karya beliau dalam bidang keagamaan. [2 markah]
- (ii) Berikan bukti yang menunjukkan beliau seorang yang gigih mengembangkan dakwah Islamiah di Nusantara. [4 markah]
- (d) Firman Allah S.W.T

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ
(سورة آل-عمران)

Ayat di atas menerangkan adab memberi hadiah.

- (i) Apakah maksud hadiah? [2 markah]
- (ii) Terangkan dua kelebihan bagi orang yang memberi hadiah. [4 markah]
- (iii) Nyatakan dua jenis sedekah yang diharuskan dalam Islam. [2 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

[Lihat sebelah
SULIT

KERTAS JAWAPAN UNTUK BAHAGIAN A

NO. KAD PENGENALAN

						-			-					
--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

1 A B C D

21 _____

2 A B C D

22 _____

3 A B C D

23 _____

4 A B C D

24 _____

5 A B C D

25 _____

6 A B C D

26 _____

7 A B C D

27 _____

8 A B C D

28 _____

9 A B C D

29 _____

10 A B C D

30 _____

11 A B C D

31 _____

12 A B C D

32 _____

13 A B C D

33 _____

14 A B C D

34 _____

15 A B C D

35 _____

16 A B C D

36 _____

17 A B C D

37 _____

18 A B C D

38 _____

19 A B C D

39 _____

20 A B C D

40 _____

Bahagian	Markah
A	
B	